

Konsep Tong Kitar Semula Dalam Kalangan Pelajar KPLI Di IPG Kampus Pendidikan Islam

Fazida Binti Haji Othman
Jabatan Kajian Sosial

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang dijalankan untuk melihat pemahaman pelajar mengenai konsep tong kitar semula di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Objektifnya ialah untuk meningkatkan amalan mengitar semula di kalangan pelajar dengan mengubah kedudukan tong-tong kitar semula mengikut cadangan dan keperluan mereka. Responden kajian ialah 100 orang pelajar KPLI ambilan Januari 2008. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Statistik deskriptif dan interpretif dengan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis data. Dapatan menunjukkan bahawa 100% responden faham tentang bahan yang boleh dibuang ke dalam tong kitar semula namun 42% gagal untuk memberikan padanan yang tepat dari segi warna dan bahan yang dimasukkan ke dalamnya. Tiga lokasi pilihan responden untuk ditempatkan tong-tong kitar semula ini ialah di asrama pelajar (87), di kafe (68) dan 30 mencadangkan agar tong kitar semula dapat diletakkan di pintu masuk utama KPI, di masjid dan pusat sumber.

Abstract

This is an action research which was undertaken to look upon students understanding of the concept of recycle bins in IPG Kampus Pendidikan Islam. The objective is to enhance recycling practice among students by relocating the recycle bins according to their suggestions and needs. Instrument that was used in this study namely a sets of questionnaires with close ended items and open ended questions. Both descriptive and interpretive analysis with frequencies, percentages and means were utilised in this study. The study involved 100 KPLI students of January 2008 intake. The findings show that all subjects know what materials to be thrown into the three recycle bins. However, 42% failed to match the exact materials to the exact bins of different colours. Three locations has been chosen by the subjects to place the recycle bins in IPG Kampus Pendidikan Islam as the hostels (87), cafe (68) and 30 for the entrance, the mosque and the library.

Pengenalan

Kitar semula ialah “Proses mengitar semula melibatkan usaha mengumpul, memproses dan mengguna semula bahan-bahan yang pernah dianggap sebagai sampah”. Kempen kitar semula giat dijalankan diseluruh negara. Namun kesedaran mengenai perkara ini dalam kalangan rakyat negara ini masih lagi berada di tahap rendah berbanding negara-negara maju lain. Kenapa kita mesti kitar semula? Tujuan kitar semula adalah pertamanya untuk memelihara ruang hidup kita yang semakin mengecil ruangnya kerana pembangunan negara. Kedua ialah untuk persekitaran yang lebih sihat dan lebih bersih. Ketiga, untuk mengurangkan pencemaran kerana jika kita hidup dalam persekitaran yang dipenuhi sampah, persekitaran sudah pasti akan tercemar dan akan menjejaskan kesihatan kita. Yang keempat pula ialah kita dapat menjimatkan kos iaitu jika dibandingkan dengan kos penyelenggaraan dan pengurusan bahan-bahan terbuang. Selain pada itu, kitar semula juga dapat menjimatkan sumber yang semakin terhad seperti kayu untuk membuat kertas. Kesyukuran daripada

itu, kitar semula juga penting bagi menyelamatkan hutan kita. Justeru, kitar semula ini hendaklah betul difahami oleh semua pihak dan langkah radikal perlu diambil bagi mempraktikkannya bagi menyelamatkan bumi kita ini.

Latar Belakang Kajian

Terdapat individu yang menyedari mengenai kempen kitar semula namun tidak mempraktikkan amalan kitar semula. Justeru, usaha meningkatkan kesedaran untuk mempraktikkan amalan ini perlu dijalankan terutama dalam kalangan pelajar di sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Dalam kalangan pelajar IPT, mereka sedar mengenai perkara ini namun untuk mempraktikkannya sebagai sebahagian amalan hidup adalah kurang. Justeru itu, pelajar-pelajar mestilah diberi maklumat mengenai kitar semula dan seterusnya diberi galakan untuk mempraktikkannya sebagai satu amalan hidup.

Persoalan Kajian

1. Adakah pelajar mempunyai kesedaran mengenai kitar semula?
2. Apakah barang-barang yang sering dikitar semula oleh para pelajar?
3. Adakah para pelajar mengamalkan kitar semula sebagai suatu amalan hidup?

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut

1. Meningkatkan kesedaran mengenai kitar semula kepada para pelajar
2. Mengenalpasti tempat yang sesuai untuk perletakkan tong kitar semula di KPI
3. Mengenalpasti barang-barang yang sering dikitar semula oleh para pelajar.

Metodologi Kajian

Definisi

Cohen dan Manion (1996) mentakrifkan metodologi sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data. Data ini akan digunakan sebagai asas bagi membentuk inferensi dan pentafsiran tujuan menghurai dan membuat jangkaan tentang sesuatu fenomena. Jentera yang menggerakkan kajian adalah metodologinya. Metodologi merupakan suatu prosedur yang sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna. Dalam penulisan penyelidikan dan kertas projek, metodologi yang digunakan mesti dihuraikan dengan terperinci. Justeru, mengenai kesedaran kitar semula ini, hasil dapatan kajian dan cadangan-cadangan yang dierikan oleh responden hendaklah disusun dan diterangkan secara deskriptif supaya ianya dapat dimanfaatkan kepada semua pihak yang terlibat.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di IPG Kampus Pendidikan Islam, (IPG KPI). Ianya dijalankan terhadap sekumpulan guru-guru pelatih yang terdiri daripada guru-guru pelatih Kursus Perguruan Latihan Ijazah (KPLI) Ambilan Januari 2008. Kumpulan ini berjumlah 400 orang guru

pelatih dan mempunyai 15 buah kelas yang terdiri daripada daripada pelbagai opsyen pengajian. Sewaktu menjalankan soal selidik, masalah yang dihadapi ialah guru-guru pelatih daripada kumpulan kuliah tertentu tidak berada di dalam kuliah kerana melakukan aktiviti luar institut seperti program Bina Insan Guru (BIG) dan Program Pendidikan Luar (PL). Terdapat juga kuliah yang disoal selidik menanda kertas soalan namun jumlah guru-guru pelatih di dalam kuliah tersebut adalah kecil sahaja. Jadi, soal selidik yang dijalankan hanyalah kepada 100 orang guru pelatih KPLI sahaja.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang berbentuk kajian kuantitatif, iaitu proses pengumpulan data dibuat dengan menggunakan instrumen soal selidik berbentuk ujian mudah. Responden dikehendaki menjawab sebanyak 10 soalan yang diberikan oleh pengkaji. Soalan yang diberikan ini merupakan soalan yang berbentuk objektif dan subjektif. Selepas selesai melakukan soal selidik, data-data ini akan dijumlahkan dalam bentuk kuantitatif dan akan dipindahkan data ini dalam bentuk yang lebih mudah difahami seperti jadual.

Sampel Kajian

Sample atau kajian ini terdiri daripada 100 orang guru-guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2008 KPI. Respondan diberi kertas soalan yang mengandungi 10 soalan yang dibahagi kepada dua bahagian iaitu lima soalan objektif dan lima soalan subjektif. Soalan diberi untuk mengetahui sejauh mana kesedaran mereka terhadap kitar semula.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah berbentuk soal selidik. Soalan ujian (lima soalan objektif dan lima soalan subjektif) adalah berkaitan dengan kesedaran kitar semula dan budaya kitar semula dalam kalangan mereka di KPI ini.

Tatacara Pemerolehan Data

Pemerolehan data kajian ini dibuat melalui soal selidik dengan memberikan kertas soalan kepada responden, Responden diberi masa sepuluh minit untuk menjawab soalan yang diberikan. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan dan juga dikehendaki memberikan cadangan mengenai kitar semula ini.

Tata Cara Penganalisan Data

Jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh sampel kajian dikumpulkan dan dianalisis. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan.

Pembentukan Alat Ukuran

Setelah pengkaji memastikan kaedah dan teknik pengumpulan data, langkah yang seterusnya adalah menjana alat ukuran yang bersesuaian. Berdasarkan alat pengukuran tersebut terdapat sebanyak tujuh soalan yang berkaitan dengan pemahaman dua item, pengetahuan dua item dan persekitaran tiga item telah dipilih dalam pembentukan item soal selidik ini. Penyusunan item bagi pembolehubah pemahaman, pengetahuan dan persekitaran seperti berikut :

Pembolehubah	Soalan/item:
1. Pemahaman	: 1, 2
2. Pengetahuan	: 3, 4
3. Persekitaran	: 5a, 5b, 6

Pengkaji juga telah memilih skala pengukuran secara ordinal bagi mengukur item dalam pembolehubah yang dipilih. Setiap soalan yang mempunyai skala yang berlainan. Pengkaji juga telah menetapkan skala bagi tahap pemahaman, pengetahuan dan faktor persekitaran sebagaimana di Jadual 1.

Jadual 1. Skala Penentu Tahap Pemahaman, Pengetahuan dan Persekitaran

Tahap	Nilai
Rendah	1.50 -2.25
Sederhana	2.26-2.50
Tinggi	2.51-2.75

Bagi soalan 2 skala yang digunakan seperti berikut :

1. Tidak pasti
2. Tidak tahu
3. 5 tong
4. 1 tong
5. 3 tong

Bagi soalan 4 pula, pengkaji menggunakan skala seperti berikut :

1. Tidak setuju
2. Setuju

Soalan 5 terbahagi kepada dua bahagian iaitu a dan b. Bagi soalan 5a, skala seperti berikut digunakan :

1. Tidak Tahu
2. Tahu

Skala seperti berikut digunakan untuk soalan 5b :

1. Tidak
2. Ya

Dapatan Kajian

Analisis Soalan Satu

Soalan 1 : Kitar Semula adalah.....

Jadual 2. Pengetahuan Pelajar Tentang Definisi Kitar Semula

Antara Perkataan Dalam Jawapan Responden	Kekerapan Jawapan
Proses	71
3R (Recycle,Reuse,Rethink)	8
Guna Semula	70
Bahan terbuang	60
Memberi contoh-contoh	14
Tidak tahu/ tidak jawapan	5

Berdasarkan Jadual 2, responden memberi pelbagai jawapan bertulis mengenai definisi kitar semula. Pembahagian seperti ini dibuat kerana kebanyakan responden tidak memberikan jawapan yang lengkap mengenai definisi kitar semula. Antara perkataan jawapan yang terkandung dalam jawapan responden ialah seperti perkataan proses, 3r, guna semula dan bahan terbuang. Terdapat juga responden yang memberikan contoh-contoh kitar semula bagi menguatkan jawapan mereka dan masih terdapat responden yang tidak menjawab atau tidak tahu. Berdasarkan definisi yang tepat mengenai kitar semula, perkataan-perkataan seperti proses, guna semula dan bahan terbuang merupakan gambaran yang jelas mengenai kitar semula. Kekerapan setiap perkataan ini adalah sebanyak 71,70 dan 60 orang yang menulis sebagai asas definisi kitar semula. Ada juga responden yang memberikan gambaran definisi kitar semula sebagai 3R (*recycle, reuse, rethink*) dengan jumlah kekerapan seramai 8 orang. Selain itu, terdapat juga responden yang memberikan contoh-contoh mengenai kitar semula iaitu seramai 14 orang. Manakala seramai lima orang yang tidak menjawab soalan definisi kitar semula. Kesimpulannya, kebanyakan jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan yang mereka tahu dan sedar mengenai kitar semula.

Analisis Soalan Dua

Soalan 2 : Berapakah warna tong kitar semula ?

Jadual 3. Pengetahuan Pelajar Tentang Warna Tong Kita Semula

Warna Tong	Bilangan Pelajar	Peratus
Tidak pasti	3	3.0
Tiga	97	97.0

Berdasarkan Jadual 3 didapati bahawa 3 orang atau 3 peratus sahaja yang tidak pasti tentang warna tong kitar semula. Seramai 97 orang atau 97 peratus yang mengetahui tentang warna tong kitar semula iaitu coklat, biru dan jingga.

Analisis Soalan 3A

Soalan 3A: Nyatakan warna tong dan apa yang dibuang ke dalamnya?

Jadual 4. Pengetahuan Pelajar Tentang Warna Tong dan Kandungan

Warna Tong	Bilangan Pelajar
Coklat	88
Jingga	77
Biru	51
Lain-lain warna	31
Tidak jawab	3

Terdapat tiga warna tong kitar semula iaitu coklat, jingga dan biru. Namun, berdasarkan Jadual 4 jumlah warna ditambah kepada warna-warna lain. Responden memberikan warna-warna lain adalah kerana mereka terkeliru kerana terdapat lima ruang kosong untuk mengisi jawapan warna, terkeliru antara warna-warna tertentu dan mungkin sememangnya responden tidak mengetahui warna tong kitar semula. Terdapat 88 orang responden yang menjawab coklat, 77 orang menjawab jingga dan 51 orang menjawab biru. Merujuk kepada Jadual 4 ini, lebih separuh yang menjawab dengan tepat ketiga-tiga warna di dalam jawapan mereka. Terdapat 31 orang yang menjawab warna-warna lain. Antara warna lain yang ditulis responden adalah seperti warna hijau, oren, merah dan kuning. Namun, masih ada dalam kalangan responden yang tidak mengisi ruangan jawapan bagi soalan warna ini iaitu berjumlah 3 orang guru pelatih. Kesimpulannya, lebih daripada separuh jawapan responden menunjukkan mereka tahu mengenai ketiga-tiga warna tong kitar semula ini.

Analisis Soalan 3B

Jadual 5. Pengetahuan Pelajar Tentang Kandungan Yang Sesuai Dalam Tong Kitar Semula

Kandungan	Bilangan Pelajar
Kertas	51
Plastik	44
Kaca	91
Botol	9
Tin aluminium	61

Berdasarkan Jadual 5, kesemua jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan mereka tahu mengenai barang-barang terbuang yang boleh dan sesuai dimasukkan ke dalam tong kitar semula. Kaca merupakan bahan buangan yang mendapat kekerapan tertinggi iaitu berjumlah 91 orang. Kedua tertinggi ialah tin aluminium iaitu berjumlah 61 orang dan ketiga adalah kertas berjumlah 51 orang. Bilangan responden yang menjawab plastik dengan berjumlah 44 orang. Jumlah terendah bahan buangan yang dijawab ialah botol. Kesimpulannya, tiada seorang responden pun yang tidak mengetahui mengenai bahan-bahan buangan yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam tong kitar semula.

Analisis Soalan 3C

Jadual 6. Pengetahuan Pelajar Tentang Padanan Warna dan Kandungan

Padanan Warna	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
Tepat	52	52
Tidak Tepat	42	42
Tidak Jawab	5	5

Umum mengetahui bahawa padanan warna biru adalah untuk kertas, coklat untuk kaca dan jingga untuk plastik dan aluminium. Merujuk kepada Jadual 6, separuh daripada responden berjaya memberi padanan warna dan kandungan dengan tepat iaitu dengan peratusan 52%. Terdapat 42 % responden yang gagal memberikan padanan yang tepat. Ini adalah kerana mereka terkeliru antara salah satu tong sehinggakan memberi kesan kepada keseluruhan jawapan. Namun masih terdapat juga responden yang gagal untuk menjawab padanan warna dengan kandungannya, jumlah peratusan ialah sebanyak 5%.

Analisis Soalan 4

Soalan 4 : Kitar semula boleh menjana pendapatan ?

Jadual 7. Pengetahuan Pelajar Tentang Menjana Pendapatan.

Persetujuan	Bilangan Pelajar	Peratus
Tidak setuju	1	1.0
Setuju	99	99.0

Jadual 7 memperlihatkan hanya seorang yang tidak setuju bahawa kitar semula dapat menjana pendapatan manakala sebanyak 99 orang atau 99 peratus yang setuju / menyokong bahawa kitar semula dapat menjana pendapatan.

Analisis Soalan 5A

Jadual 8. Pengetahuan Pelajar Tentang Kedudukan Tong Kitar Semula di Kampus.

Persetujuan	Bilangan Pelajar	Peratus
Tidak tahu	15	15.0
Tahu	85	85.0

Berdasarkan Jadual 8, seramai 15 orang atau 15 peratus yang tidak tahu di mana kedudukan tong -tong kitar semula di KPI manakala sebanyak 85 orang atau 85 peratus yang mengetahui kedudukan tong -tong kitar semula di KPI.

Analisis Soalan 5B

Soalan 5B: Jika tahu dimana dimana tong berkenaan?

Jadual 9. Kedudukan Tong Kitar Semula di KPI

Tempat	Bilangan Pelajar
Kafe	53
Asrama	11
Tidak Jawab	17
Lain-lain	19

Soalan 5b adalah berkaitan dengan di mana terletaknya tong kitar semula di KPI. Ia bertujuan untuk mengkaji kepekaan guru pelatih di KPI dan keberkesanan tempat tong kitar semula itu diletakkan. Berdasarkan Jadual 9 jawapan berkaitan kawasan terletaknya tong kitar semula di KPI yang paling tinggi jumlahnya ialah berhampiran kafe iaitu 53. Manakala jawapan kedua tertinggi adalah lain-lain kawasan seperti bilik VIP, Pusat Sumber dan Jabatan

jawapan kedua tertinggi adalah lain-lain kawasan seperti bilik VIP, Pusat Sumber dan Jabatan Ilmu Pendidikan jumlahnya adalah 19. Seramai 17 orang responden tidak menjawab ia mungkin disebabkan kedudukan tong kitar semula yang tidak strategik hingga mengakibatkan ia sukar dilihat. Seramai 11 orang daripada responden menyatakan tong kitar semula KPI terletak berhampiran asrama dan ia merupakan jawapan paling sedikit.

Analisis Soalan 5C

Soalan 5C : Pernahkan anda menggunakan tong kitar semula

Jadual 10. Penggunaan Tong Kitar Semula Dalam Kalangan Pelajar

Persetujuan	Bilangan Pelajar	Peratus
Tidak Pernah Guna	29	29.0
Guna	71	71.0

Seramai 29 orang atau 29 peratus yang tidak menggunakan tong kitar semula di KPI manakala seramai 71 peratus atau 71 orang yang menggunakan tong kitar semula di KPI seperti di Jadual 10.

Analisis Soalan 5D

Soalan 5D : Jika YA, apa yang dibuat ke dalamnya?

Jadual 11. Barang Yang Dibuang Ke Dalam Tong

Barang-Barang Yang Dibuang	Kekerapan
Tin minuman	54
Kertas	44
Plastik	19
Botol minuman	56
Kaca	16
Tidak-jawab	34

Soalan 5D adalah berkaitan barang-barang atau bahan-bahan yang pernah dibuang ke dalam tong kitar semula KPI. Terdapat pelbagai bahan yang boleh di kitar semula yang boleh didapati di KPI. Rata-rata responden memberikan lebih dari satu jawapan iaitu kepelbagaian jawapan tentang apa yang dikitar oleh mereka. Jadual 11 menunjukkan kekerapan bahan yang dikitar semula. Bahan yang paling kerap dibuang adalah botol minuman iaitu 56. Tin minuman pula merupakan kekerapan kedua tertinggi yang dibuang yaitu 54. Manakala kertas terpakai merupakan yang ketiga tertinggi, kekerapannya adalah 44. Seramai 34 orang responden tidak menjawab soalan ini. Ia menunjukkan mereka tidak pernah menggunakan kemudahan tong kitar semula yang terdapat di KPI. Plastik merupakan bahan kelima tertinggi yang dibuang iaitu sekerap 29. Manakala bahan yang paling kurang yang dibuang oleh guru pelatih KPI ialah kaca. Ia mungkin akibat sedikitnya penggunaan bahan yang berkaitan yang boleh dikitar semula di KPI.

Analisis Soalan 6

Jadual 12. Cadangan Pelajar Tentang Tempat Meletak Tong Kitar Semula

Cadangan tempat	Bilangan Pelajar
Asrama	87
Dewan	8
Koperasi	17
Kafe	45
Lain-lain tempat	77

Jadual 12 menunjukkan cadangan-cadangan yang diberikan oleh guru pelatih KPLI berkaitan dengan tempat-tempat yang bersesuaian dan strategik bagi menempatkan tong kitar semula agar boleh dimanfaatkan. Kebanyakan responden memberikan lebih dari 1 jawapan. Ia merupakan respon yang positif berkaitan kepekaan mereka berkaitan program kitar semula. Sebanyak 87 cadangan diberikan agar tong kitar semula diletakkan berhampiran asrama. Ia mungkin bertujuan memudahkan bahan yang boleh dikitar semula di asrama diletakkan ke dalam tong tanpa perlu berjalan jauh. Cadangan kedua tertinggi adalah di kafe KPI iaitu sebanyak 68 cadangan. Manakala cadangan kawasan yang ketiga terbanyak adalah koperasi. Ia mungkin bagi memudahkan pembeli mengitar semula. Sebanyak 30 cadangan di lain-lain tempat antaranya adalah di blok pentadbiran, masjid, pusat sumber dan pintu pagar KPI. Cadangan yang paling sedikit berkaitan penempatan tong kitar semula adalah di dewan.

Rumusan

Hasil daripada dapatan yang kami terima, majoriti responden sedar mengenai kitar semula ini. Banyak cadangan yang kami terima mengenai kitar semula ini sesuai untuk dilaksanakan di KPI. Kami mendapati juga bahawasanya responden mengetahui tempat letaknya tong kitar semula cuma akses ke tempat ini adalah tersembunyi. Justeru itu, pihak institut sewajarnya menukarkan tempat letak ini ke suatu tempat lain yang lebih sesuai. Antara cadangan tempat yang diberikan oleh para responden adalah seperti di asrama, kafe dan koperasi. Jika diperhatikan cadangan-cadangan tempat ini merupakan antara tempat-tempat yang mudah untuk diakses pelajar dan merupakan kawasan tumpuan warga KPI.

Lantaran itu, semua pihak di institut ini sewajarnya memandang serius cadangan-cadangan ini di samping bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga KPI seterusnya mempraktikkannya sebagai amalan hidup. Melalui amalan kitar semula di kalangan warga KPI ini, ianya secara tidak langsung berupaya menjana pendapatan semula kepada institut.

Rujukan

- Abdullah Mohammad Said. (1999). *Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar*. Shah Alam: Institut Teknologi MARA.
- Mohd Noor Ramlan. (1999). *Ekologi Asas dan Alam Semulajadi Terpilih*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.